



**MEDIA ONLINE /
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

7 APRIL 2017

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat

ISU: PENGAMBILAN PEKERJA MALINDO AIR

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	7 APRIL 2017 (JUMAAT)	MALAYSIA KINI MTUC: 'Strip check' interview a criminal offence if true	MALINDO AIR MTUC

AKHBAR : MALAYSIA KINI

MTUC: 'Strip check' interview a criminal offence if true



The Malaysian Trades Union Congress (MTUC) said Malindo Air's alleged practice of asking women to take off their tops during interviews to become stewardesses is a criminal offence.

"Such process, if confirmed, is sexual abuse and tantamount to a criminal offence and requires immediate police intervention.

"This is a violation of one's privacy, a breach of their fundamental liberties and human rights," said MTUC secretary-general J Solomon in a statement today.

ISU : PEKERJA ASING

BIL	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	7 APRIL 2017 (JUMAAT)	THE MALAYSIAN TIMES Majikan wajib mohon pekerja secara dalam talian mulai 1 April BERITA HARIAN Permohonan pekerja asing atas talian mulai 1 April	KDN

AKHBAR : THE MALAYSIAN TIMES

Majikan wajib mohon pekerja secara dalam talian mulai 1 April



PUTRAJAYA : Semua majikan diwajibkan membuat permohonan mendapatkan pekerja asing secara dalam talian mulai 1 April, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata peraturan itu terpakai bagi permohonan pekerja asing dari semua negara sumber kecuali permohonan pembantu rumah asing.

Beliau berkata langkah itu dilaksanakan bagi memastikan majikan tidak tertipu oleh ejen dan membayar kos berlebihan serta mengelakkan ejen mengambil kesempatan terhadap kesempitan pekerja asing. "Keputusan mewajibkan permohonan secara dalam talian adalah demi kebaikan semua agar KDN (Kementerian Dalam Negeri) dan Jabatan Imigresen tidak terus dilemparkan dengan pelbagai tuduhan," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan bulanan KDN, di sini hari ini.

Terdahulu dalam ucapannya semasa perhimpunan itu, Ahmad Zahid berkata permohonan sebelum ini boleh dibuat secara manual atau melalui ejen yang mengutip bayaran perkhidmatan tidak munasabah kepada bakal pekerja. Ahmad Zahid menyelar ejen yang mengambil kesempatan terhadap kesusahan pekerja asing.

"Yang mahu kerja di sini orang susah, mereka bayar puluhan ribu Ringgit, jual rumah, jual hartanah, ambil pinjaman dengan along di negara mereka. "Bila (mereka) berlambak di sini, tiada majikan ambil mereka bekerja dan akhirnya harta mereka dilelong, anak isteri yang tinggal susah dikejar oleh along," katanya.

Permohonan pekerja asing atas talian mulai 1 April



TIMBALAN Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi hadir di Perhimpunan Bulanan Kementerian Dalam Negeri di Putrajaya

PUTRAJAYA: Mulai 1 April lalu, semua permohonan pekerja asing oleh majikan di negara ini wajib dibuat secara atas talian.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata langkah itu bagi mengelakkan majikan ditipu terutama oleh ejen dan terpaksa membayar kos yang lebih.

"Keputusan bagi permohonan pekerja asing 100 peratus atas talian dari semua negara sumber, kecuali bagi pembantu rumah ini adalah bagi kebaikan semua pihak.

"Ini juga bagi memastikan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen tidak terus dilempar pelbagai tuduhan," katanya pada sidang media selepas Perhimpunan Bulanan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini, hari ini.